

23/07/1997

Anwar mampu bukti keupayaan

Karim Sulaiman in London

LONDON, Selasa - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berjaya membuktikan keupayaaannya memangku jawatan Perdana Menteri dengan menyelesaikan pelbagai masalah dalam negara.

Akhbar Financial Times yang berpangkalan di sini hari ini, menyifatkan Anwar dapat mengawal keadaan dalam tempoh dua bulan lalu, walaupun dengan beban kerja empat kali ganda daripada tugas biasanya.

Anwar dalam tempoh yang singkat antara lain mengambil tindakan tegas terhadap kegiatan rasuah dan membantu kejayaan Barisan Nasional (BN) dalam memenangi pilihan raya kecil.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melantik Anwar memangku jawatan Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Presiden Umno sepanjang percutiannya selama dua bulan, mulai 19 Mei lalu.

Penulis rencana ini berpendapat Anwar membuktikan dirinya seorang aperantis yang layak untuk memimpin Malaysia pada masa depan.

Mengikut akhbar itu, walaupun isu bila dan bagaimana Anwar akan mengambil alih jawatan Perdana Menteri masih belum jelas, tempoh dua bulan lalu membuktikan beliau adalah orang yang layak untuk menggantikan Dr Mahathir.

Pemerhati pula menyifatkan kejayaan besar Anwar yang juga Menteri Kewangan dalam tempoh memangku jawatan Perdana Menteri ialah kesetiaannya kepada Dr Mahathir dalam membuat sesuatu keputusan atau tindakan.

Berdasarkan pencapaian Anwar dalam mengendalikan pentadbiran Malaysia sepanjang peningggalan Perdana Menteri, persoalan sama ada Dr Mahathir akan bersara timbul semula.

Pemerhati berpendapat kepercayaan Dr Mahathir melantik Anwar bukan saja memangku jawatan Perdana Menteri, malah Presiden Umno menunjukkan perubahan ke arah itu.

(END)